

RUJ. KAMI (OUR REF.) : UMP.02.01/10.12/2 (19)
RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

16 Jun 2010

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 8 TAHUN 2010 : CUTI TANPA GAJI
BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUTI PASANGAN BERTUGAS ATAU BERKURSUS
DI LUAR NEGERI**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2010 yang bermesyuarat pada 28 April 2010 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 2009 berhubung peraturan dan syarat pemberian Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan bertugas atau berkursus di luar negeri kepada staf universiti.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil. 8 Tahun 2010 mengenai Cuti Tanpa Gaji Bagi Pegawai Yang Mengikuti Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Luar Negeri untuk makluman dan tindakan tuan/puan seterusnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(HARYANI BINTI ABDULLAH)
b.p Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

s.k YH Dato' Naib Canselor

HA/sms
d: Pekeliling

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 8 TAHUN 2010

**CUTI TANPA GAJI BAGI PEGAWAI YANG MENGIKUTI PASANGAN BERTUGAS
ATAU BERKURSUS DI LUAR NEGERI**

TUJUAN

1. Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Lembaga Pengarah Universiti bagi menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil.29 Tahun 2009 mengenai peraturan dan syarat pemberian Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan bertugas atau berkursus di luar negeri kepada staf universiti.

LATARBELAKANG

2. Dasar dan peraturan berkaitan kemudahan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan bertugas atau berkursus, sama ada di dalam atau di luar negeri telah dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.14 Tahun 2005.
3. Pemberian kemudahan ini adalah berdasarkan keperluan pegawai untuk berada bersama pasangan bagi membolehkan pasangan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada tugas atau kursus selaras dengan usaha melahirkan masyarakat penyayang.
4. Dasar ini telah dikaji semula bagi menambah baik kemudahan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan selaras dengan perubahan semasa dan peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan melalui penurunan kuasa (*empowerment*).

SYARAT DAN KELAYAKAN

5. Pemberian kemudahan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan di UMP adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut;

- (i) Kemudahan ini diperuntukkan kepada pegawai yang dilantik secara tetap dalam perkhidmatan **termasuk** pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) Pegawai lantikan sementara, kontrak, sambilan, Pekerja Khidmat Singkat atau sandaran adalah **tidak layak** dipertimbangkan;
- (iii) Pegawai yang ingin mengikut pasangan mereka bertugas atau berkursus **di luar negeri** sahaja layak dipertimbangkan;
- (iv) Tempoh maksimum Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan termasuk tempoh pelanjutan yang boleh diluluskan kepada pegawai yang pasangannya merupakan pegawai awam adalah mengikut tempoh pasangan pegawai dikehendaki bertugas/berkursus;
- (v) Bagi pegawai yang pasangannya bukan pegawai awam, tempoh maksimum Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan yang boleh diluluskan adalah tiga (3) tahun atau selama tempoh pasangan pegawai dikehendaki bertugas/berkursus, mengikut tempoh mana yang lebih pendek;
- (vi) Tempoh pelanjutan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan boleh diluluskan mengikut baki tempoh Cuti Tanpa Gaji yang pegawai berkecukupan, terhadap tempoh keseluruhan Cuti Tanpa Gaji adalah tiga (3) tahun;
- (vii) **Pegawai dikehendaki melaporkan diri bertugas apabila tempoh Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan yang diluluskan termasuk tempoh yang dilanjutkan tamat;**
- (viii) Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan berikutnya hanya boleh dipohon setelah pegawai memenuhi syarat kembali berkhidmat selama satu (1) tahun.

PROSEDUR

6. Pegawai yang bercadang untuk memohon Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tarikh Cuti Tanpa Gaji berkenaan.
7. Permohonan **pelanjutan** perlu dikemukakan kepada Ketua Jabatan sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** sebelum tamat tempoh Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan yang sedang berkuat kuasa.

8. Pihak Berkuasa Melulus bagi meluluskan permohonan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan adalah **Pendaftar dan diperakukan oleh Ketua Jabatan/Dekan/Pengarah.**
9. Permohonan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan yang tidak memenuhi syarat kembali berkhidmat selama satu (1) tahun memerlukan kelulusan khas oleh **Naib Canselor.**
10. Pegawai hanya boleh bercuti setelah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Melulus dan **tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya pegawai didapati gagal mematuhi.**

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. Ketua Jabatan dalam menimbangkan permohonan Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan hendaklah memberi pertimbangan sewajarnya setelah mengambil kira keperluan perkhidmatan supaya penyampaian perkhidmatan tidak terjejas khususnya dalam perkhidmatan kritikal.
12. Jawatan yang dikosongkan boleh diisi secara sementara sama ada melalui pelantikan secara sementara, kontrak atau kaedah lain yang bersesuaian.
13. Sekiranya wujud keperluan mendesak untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang sedang Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan, Ketua Jabatan boleh pada bila-bila masa mengesyorkan kepada Pendaftar supaya pegawai ditamatkan tempoh Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan.
14. Sekiranya pegawai didapati gagal mematuhi arahan untuk melaporkan diri bertugas, Ketua Jabatan hendaklah melaporkan kepada Pendaftar dengan segera.

TARIKH KUATKUASA

15. Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa mulai **1 Jun 2010**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)
PENDAFTAR

Tarikh :

Edaran Kepada.:

Bendahari

Ketua Pustakawan

Semua Dekan

Semua Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada.:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Sbi/Pkh/c/pekeliling/PP8_2010